

# UMS anjur bengkel untuk wartawan tingkat liputan luar bandar di Sabah

DE 29.8.2013 2

KUALA LUMPUR: Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan bengkel melatih wartawan mempertingkatkan keupayaan mereka membuat liputan di kawasan luar bandar secara menyeluruh.

Dekan Sekolah Sains Sosial UMS Profesor Datuk Mohd Hamdan Adnan berkata bengkel itu, yang dijangka diadakan Oktober ini selama lima hari, mendapat kerjasama Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan Persatuan Wartawan Sabah.

"Kita rasa ini penting kerana kawasan luar bandar di Sabah begitu besar, maka mereka tentunya memerlukan liputan dari segi apa juga perubahan dan perkembangan yang berlaku di kawasan itu," katanya selepas melawat Wisma Bernama pada Rabu.

Beliau berkata buat permulaan, seramai 30 wartawan akan mengikuti bengkel itu di kampus UMS di Kota Kinabalu.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarang Perkhidmatan Berita Dalam Negeri Bernama Datuk Zakaria Abdul Wahab berkata agensi berita berkenaan sedia bekerjasama dengan mana-mana universiti dan pihak yang ingin menceburi bidang kewartawanan.

"Kita ada program yang dinamakan Bernama School Of Journalism, kita bersedia bekerjasama dengan UMS kerana kita mempunyai ramai wartawan kanan berpengalaman lebih 20 ke 30 tahun yang boleh mengajar," katanya. - Bernama